



Makluman dan Syarat-syarat Pelantikan Panel

1. Pelantikan ini adalah bagi tempoh berkuatkuasa mulai **1 Januari 2027 hingga 31 Disember 2028**.
2. Terbuka kepada klinik di kawasan sekitar Lembah Kelang dan negeri Selangor, Putrajaya, Cyberjaya, Seremban, Port Dickson dan Bintulu sahaja.
3. Bersetuju menggunakan Sistem Panel Perubatan UPM secara dalam talian.
4. Bersetuju untuk membayar **caj komitmen sebanyak RM200.00** (kadar RM100.00/setahun) bagi tempoh 2 tahun pelantikan.
5. Bersetuju mendaftar dengan Sistem MyVendor bagi proses pembayaran melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) dengan kadar RM50 setahun.
6. Pelantikan panel adalah khusus untuk satu-satu cawangan sahaja dan tidak meliputi cawangan pusat rawatan tuan yang lain atau yang baharu.

Tambahan

A. Klinik

- i. Pernah/ada menerima kehadiran staf UPM bagi mendapatkan rawatan di klinik .
- ii. Bersetuju menetapkan kadar caj konsultasi adalah maksimum RM25.00 dengan kadar bayaran yang ditanggung oleh pihak UPM adalah **RM 45.00 sahaja bagi setiap pesakit untuk sekali rawatan** dimana lebihan kadar perlu ditanggung oleh staf dan dibayar terus kepada klinik.
- iii. Menetapkan agar perkhidmatan yang perlu ada di klinik panel termasuklah perkhidmatan 24 jam atau sekurang-kurangnya mulai jam **8.00 pagi hingga 10.00 malam** meliputi perkhidmatan:
 - a) Rawatan pesakit luar (bukan rawatan dalam wad).
 - b) Rawatan antenatal dan postnatal.
 - c) Imunisasi kanak-kanak yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - d) Ujian asas darah dan air kencing yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan yang bertugas.

B. Pusat Hemodialisis

- i. Terbuka hanya kepada pusat hemodialisis yang menyediakan rawatan dialisis kepada staf atau pesara UPM dan tanggungan sahaja.
- ii. Bersetuju menetapkan kadar bayaran yang ditanggung oleh pihak UPM adalah terhad kepada perbelanjaan rawatan sahaja dengan had maksimum RM200.00 bagi rawatan hemodialisis untuk setiap sesi rawatan dan perbelanjaan bagi suntikan sebanyak RM70.00 bagi rawatan anemia ditanggung mengikut preskripsi oleh doktor yang merawat dimana lebihan kadar perlu ditanggung oleh staf dan dibayar terus kepada panel.